

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI TIONG KING SING  
(BINTULU)**

**TARIKH : 03 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' SERI TIONG KING SING [ BINTULU ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:

(a) Apakah masalah banjir kilat yang sering melanda kawasan perumahan sepanjang Jalan Batu 8, Jalan Bintulu-Miri disebabkan kegagalan rekabentuk projek?

(b) Apakah langkah dan perancangan Kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut?

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Projek Menaiktaraf Jalan Dari Simpang Nyabau Ke Simpang Bakun, Bintulu sepanjang 43km telah disiapkan pada 18 Disember 2019 dan sedang dalam tempoh tanggungan kecacatan (defect liability period - DLP) selama dua tahun yang akan berakhir pada 18 Disember 2021.

Berhubung aduan lokasi banjir kilat di kawasan pembinaan di kawasan perumahan di Jalan Batu 8, Jalan Bintulu – Miri yang terletak di kawasan projek tersebut, Kementerian Kerja Raya telah mengarahkan JKR Sarawak dan Kontraktor Pakej Kerja untuk mengambil tindakan segera dengan membersihkan sistem saliran khususnya parit dan paip pemetung bagi mengelakkan kejadian banjir yang lebih teruk.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, reka bentuk jalan bagi projek tersebut telah mengambil kira sistem perparitan dan saliran serta kadar taburan hujan di Right of Way (RoW) Jalan Persekutuan. Susulan daripada kejadian banjir tersebut, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Sarawak sedang meneliti masalah ini bagi merangka kaedah penyelesaian yang terbaik untuk mengurangkan risiko kejadian banjir tersebut berulang. Walau bagaimanapun pemantauan berterusan turut dilakukan oleh Kementerian dan JKR Sarawak selaku Pegawai Penguasa bagi memastikan kelancaran saliran air di sepanjang kawasan projek tersebut khususnya dalam tempoh musim hujan.

Sekian, terima kasih.